



**SCHOOL OF LIBERAL ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU 2212 Bahasa Kebangsaan A**  
 Semester & Year : January – April 2016  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS

#### Petikan (i)

#### Kasih Sepohon Pokok

Nukilan : Citra Zura

Sepohon kayu di dalam hutan  
Daunnya merendang sayang  
Pagi hari kau siram dengan pujian  
Petang hari kau baja dengan kelembutan  
Berbuah lebatlah pohon itu kerana bahagia

Setiap kali kau lelah  
Pohon inilah mendodoimu sedamainya  
Menjemput angin puput memelukmu  
Bergoyanglah keriang kerana kau bersamanya

Setiap kali kau gusar  
Pohon inilah memanggil burung-burung bernyanyi  
Mengisi sunyimu yang keseorangan  
Bergoyanglah kepuasan kerana kau sedang ketawa

Setiap kali kau hilang dibuai mimpi  
Pohon inilah yang menyelamatkan tidurmu  
Ular berbisa mati dihempap dahannya  
Bergoyanglah kegembiraan kerana kau tetap lena

Hinggalah suatu masa  
Buahnya ranum gugur mengenai kepalamu  
Kau bangun menghunus kejam  
Kau kelar perutnya berulang kali  
Kau potong nyawanya hingga ke pangkal  
Memang kau hilang akal  
Kerana pabila kau sedar  
Mana lagi tempat untuk kau menumpang teduh?

1. Apakah tema penyajak berdasarkan sajak di atas? **(2 markah)**
2. Berdasarkan sajak di atas, berikan **EMPAT (4)** cara pokok itu menunjukkan kasih sayangnya kepada manusia. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk mengawal kemarahan? **(4 markah)**

### **Petikan (ii)**

Setiap guru memainkan peranan penting dalam pengajaran pemelajaran di kelas bagi membentuk akhlak dan jiwa murid agar mempunyai akhlak terpuji dan jiwa perkasa. Peranan ini dapat dilakukan semasa pengajaran atau selepas pengajaran dilakukan. Bimbingan akhlak mulia dan jiwa perkasa mampu membentuk murid menjadi pemimpin pada masa depan.

Seseorang guru bukan sahaja menjadi pendidik di kelas, tetapi juga pembimbing ke arah **pembentukan peribadi yang luhur dan unggul**. Guru bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi wajar menerapkan peribadi mulia dalam kalangan murid. Guru juga menjadi penasihat dan pembimbing murid mengenai hal yang bersangkutan dengan sahsiah, nilai budaya dan nilai murni.

Sesungguhnya guru yang mempunyai nilai sahsiah yang tinggi bukan sahaja dapat menyampaikan pelajaran dengan berkesan, bahkan dapat menawan hati pelajar-pelajarnya. Guru juga menjadi penasihat yang berkesan untuk membimbing murid ke arah kebaikan. Pendek kata, peranan guru cukup besar dalam membentuk akhlak, nilai murni dan jiwa pelajar. Pelajar mudah untuk mengikut segala tingkah laku, pergerakan, perbuatan dan perkataan seseorang guru kerana pada usia mereka yang masih muda, mereka cepat terpengaruh dan memerlukan model dalam pembentukan diri dan sahsiah mereka.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **pembentukan peribadi yang luhur dan unggul**? **(2 markah)**
2. Apakah **EMPAT (4)** peranan guru berdasarkan teks di atas? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah adab-adab seorang pelajar terhadap gurunya? **(4 markah)**

## TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I) penampilan
- II) keterampilan
- III) bertempiaran
- IV) berkeliaran
- V) berselerakan

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I) Salina menggunakan e-mail untuk menyampai mesej kepada rakan-rakannya.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- II) Junainah hanya terdiam diri apabila disindir oleh rakan setugasnya kerana dia tidak mahu membesar-besarkan cerita yang dianggap rimih itu.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- III) Satu lapuran lengkap tentang kejadian kemalangan yang dilibatkan bas ekspres itu diserahkan kepada Menteri Pengangkutan.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- IV) Masih banyak orang yang mempercayai kaedah perubatan tradesional kerana mereka menganggap kaedah tersebut mampu menyembuhi pelbagai penyakit kronik.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- V) Selepas upacara peresmian dewan, pegawai daerah itu dibawa lawatan ke bilik seminar.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan suatu tragedi buruk yang pernah berlaku di Malaysia iaitu melibatkan pergaduhan antara dua kaum. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membentuk hubungan baik antara kaum.  
Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah mewujudkan hubungan baik pelbagai kaum di Malaysia.
2. Kebanjiran pendatang asing di Malaysia umpama cendawan yang tumbuh selepas hujan. Hal ini amat membimbangkan masyarakat setempat kerana kedatangan mereka ke Malaysia telah memberi begitu banyak masalah.  
Bincangkan masalah-masalah yang berlaku akibat banjir pendatang asing di Malaysia.
3. Musim cuti persekolahan merupakan masa yang ditunggu-tunggu oleh kebanyakan pelajar. Pada waktu inilah, mereka dapat merehatkan diri daripada dibebani dengan tugas atau peperiksaan. Namun begitu, ada yang mengambil peluang ini dengan bekerja pada musim cuti sekolah.  
Ulas pernyataan di atas.

**(30 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**